

PERANAN, PENGARUH DAN POTENSI WATTPAD TERHADAP BUDAYA MEMBACA NOVEL DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA

*Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Nur Syuhaidah Ayub

Pusat Pengajian Penulisan Kreatif
Fakulti Filem, Teater dan Animasi
Universiti Teknologi MARA
40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia

*Corresponding author's email: syuhaidi@salam.uitm.edu.my / drmohdsyuhaidi@gmail.com

Submission date: 15 Jan 2019 Accepted date: 30 April 2019 Published date: 10 May 2019

Abstract

Fostering a culture of reading and writing can be done on many platforms. Wattpad is one of them. It is a website designed for new authors and readers looking for a novel, free literary content. However, in Malaysia, this platform is still not being explored enough. This paper has qualitatively analyzed the role, influence and potential of Wattpad in fostering reading culture among Malaysians. 10 informants were interviewed and discussions were transcribed verbatim and imported into ATLAS.ti 4.2 software program. It was found that Wattpad had a significant role, influence and potential in fostering a culture of reading and writing in this country. It can be concluded that beyond the school and family setting, Internet at large can also play a role in fostering reading and writing culture.

Keywords: Wattpad, role, influence, potential, reading culture.

1.0 PENGENALAN

Industri penulisan kini semakin berkembang selari dengan kemajuan teknologi yang ada. Bahan bacaan bukan lagi hanya berbentuk buku tetapi bahan bacaan ilmiah atau kreatif boleh didapati dengan menggunakan hujung jari sahaja. Tidak kira dari negara mana, ianya boleh di akses dengan teknologi kini. Terdapat banyak platform untuk pembacaan novel kreatif ini seperti Penulisan2u, Wordpress, Blogger, dan juga Wattpad.

Wattpad bukan hanya sebuah platform percuma yang menghubungkan pembaca dan penulis sebaliknya ia juga merupakan tempat untuk memperkenalkan budaya negara masing-masing. Di sini pembaca dapat mempelajari adat dan kebudayaan sesebuah negara serta mengenali ciri-ciri masyarakat yang ada di negara tersebut.

Menurut Thomas (2015), bermula pada tahun 2006, hasil ciptaan Allen Lau dan Ivan Yuen, aplikasi ini telah di guna pakai oleh pembaca-pembaca novel kreatif seluruh dunia. Aplikasi ini bukan sahaja boleh di muat turun menggunakan android atau komputer tetapi pengguna *Iphone* juga boleh menggunakan

aplikasi ini. Idea tunjang pengasas aplikasi *Wattpad* ini adalah untuk mengubah cara penulis berkongsi cerita.

Menurut Cohn (2016), *Wattpad* ialah sebuah aplikasi pembacaan kreatif yang sedang mula mendapat tempat dikalangan pembaca. Aplikasi ini juga terkenal dalam kalangan penulis baru yang ingin menceburi bidang penulisan dan turut dikenali sebagai komuniti penulis terbesar.

Oleh itu kajian ini telah meneroka peranan, pengaruh dan potensi *Wattpad* terhadap budaya membaca dikalangan rakyat Malaysia dengan harapan Malaysia juga boleh menjayakan budaya membaca dan memertabatkan penulisan ke seluruh dunia seperti negara-negara lain..

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengaruh *Wattpad*

2.1.1 *Wattpad Menarik Pembaca.*

Menurut Chen, Davies, Willens dan Patel (2016), perhatian yang diberikan oleh kita semakin pendek dan perkara ini boleh dilihat dari segi penggunaan aplikasi seperti penggunaan Snapchat dan emoji. Tetapi dengan adanya *Wattpad* pembaca boleh membaca mengikut kemampuan mereka tidak mengira masa dan tempat. *Wattpad* juga menarik perhatian penjenamaan terkenal seperti cola-cola dan sebagainya. Perkara ini kerana *Wattpad* juga memberi ruang kepada promosi, dengan membuat penulis menulis cerita yang mengandungi penggunaan produk pihak mereka. Keuntungan buat pihak penajaan ini adalah apabila 30 minit masa yang diberikan remaja membaca karya yang mengandungi produk mereka telah memberi mereka jutaan pendapatan.

Pawley (2016) telah mengkaji tentang kebangkitan pembacaan atas talian. Di dalam kajiannya mengatakan *Wattpad* dan *Amazon's Kindle* adalah dua komuniti pembaca terbesar. Tesis beliau telah mengkaji bagaimana pembaca platform ini telah menggunakan teknologi untuk membaca dan menyertai komuniti pembacaan atas talian ini. Hasil kajian beliau mendapati platform ini tidak bertindak sebagai pengganti kepada buku tetapi salah satu cara kita boleh membaca.

Kesimpulan bagi kajian beliau adalah tidak kira pengguna 'tradisional' atau 'moden' kedua-duanya pengguna ini mempunyai satu persamaan yang nyata iaitu 'suka membaca'. Sebanyak mana pun perubahan yang berlaku, 'membaca' akan terus wujud dengan adanya teknologi seperti *Kindle* dan *Wattpad* ini. Platform seperti ini yang memberi harapan kepada penulisan dan pembacaan.

Contreras, Gonzaga, Trovela and Kagaoan (2015) telah mengkaji tentang apakah yang membuat pembaca-pembaca ini memilih *Wattpad*. Antara yang dikaji ialah pengaruh sekeliling, minat dengan literatur, media sosial, kebosanan, percuma dan kemudahan. Selain itu perkara yang turut di kaji ialah mengenai apakah yang menyebabkan pembaca terus menggunakan *Wattpad* menerusi '*Learning Satisfaction*' atau kepuasan belajar, dan '*Emotional Satisfaction*' atau kepuasan emosi. *Wattpad* telah menjadi sebahagian daripada kehidupan pembaca sendiri. Ianya bukan sahaja sekadar platform untuk membaca sebaliknya tempat untuk pembaca melarikan diri dari dunia nyata sementara.

2.2 Peranan Wattpad

2.2.1 Wattpad Komuniti Pembaca dan Penulis

Rochester (2012) telah menulis sebuah artikel yang mengandungi temu bual bersama Allen Lau yang merupakan *co-founder* dan *CEO Wattpad* telah membincangkan tentang *Wattpad* yang merupakan komuniti terbesar untuk pembaca dan penulis. *Wattpad* merupakan sebuah tempat di mana penulis amatir berkumpul, malahan penulis profesional turut ada di dalam platform ini seperti Margaret Atwood dan Paulo Coelho. Selepas sepuluh tahun, *Wattpad* kini berkhidmat untuk lebih sepuluh juta pembaca seluruh dunia di mana satu juta di UK, manakala enam juta pembaca aplikasi ini juga merupakan penulis. Menurut artikel ini selama 2.5 bilion saat telah dihabiskan untuk membaca *Wattpad* ini. Malahan di aplikasi ini sebanyak 750,000 karya baharu dimuat naik setiap bulan. Selari dengan kajian ini yang akan mengupas potensi *Wattpad* terhadap budaya membaca dikalangan rakyat Malaysia.

Chapman (2014) juga telah menulis artikel mengenai Allen Lau dan *Wattpad*. Kandungan artikel ini telah membincangkan bagaimana penulis dan pembaca mula menggunakan penulisan atas talian dan bersosial di *Wattpad*. Allen mengatakan sebanyak tiga puluh dua milion orang telah melawati *Wattpad*, sebuah platform literatur online. Di artikel ini juga Allen Lau menekankan *Wattpad* adalah sebuah komuniti terbesar untuk pembaca dan penulis di dunia. Sebanyak sembilan bilion minit dihabiskan oleh pembaca setiap bulan untuk membaca di *Wattpad*. Menurut Allen, penulis di aplikasi ini kebiasaannya memuat naik karya setiap minggu, membuatkan pembaca ternanti-nanti dan setia menunggu untuk membaca karya penulis seperti menunggu rancangan bersiri televisyen.

2.2.2 Berinteraksi dengan Pembaca

Rebora dan Pianzola (2018) telah menganalisis margin komen di dalam aplikasi *Wattpad*. Ini menunjukkan terdapatnya interaksi atau komunikasi diantara penulis dan juga pembaca. Di dalam kajian, mereka telah menekankan bagaimana perubahan teknologi telah membolehkan perhubungan ini berlaku. Kini pembaca bukan lagi sekadar membaca sebaliknya boleh memberi kritikan, berinteraksi malah memberi sumbangan idea kepada penulis. Dengan mengkaji komen, mereka dapat melihat bagaimana sesetengah teks di dalam *Wattpad* memberi impak atau kesan terhadap pembaca.

Hasil kajian ini lebih menonjolkan tindak balas pembaca terhadap karya penulisan. Mereka telah menggunakan dua teori iaitu *Second Generation Cognitive Literary Studied* (Kukkonen dan Caacciolo, 2014), yang melihat kebergantungan antara teks dan pengalaman pembaca. Yang kedua ialah teori *Transsactional Reader Response Theory* (Iser dan Rosenbalt, 1978). Selepas diteliti, kajian mereka mendapati perbezaan komen dari pembaca berkait rapat dengan perasaan empati atau perasaan ketika membaca karya penulisan. Dengan menggunakan graf mereka telah menunjukkan bagaimana peningkatan komen dalam setiap bab novel yang dibaca.

Jadi dapat dilihat bagaimana sesebuah karya itu memberi kesan kepada pembaca dan menggunakan ruangan komen mereka boleh menilai dan memberi pendapat tentang apa yang dirasa apabila membaca sesebuah karya. Jelas *Wattpad* mampu memberikan satu hubungan di antara pembaca dan penulis di mana mereka boleh berinteraksi sesama mereka.

2.3 Potensi Wattpad

2.3.1 Wattpad Komuniti Pembaca dan Penulis

Scott (2018) telah membincangkan tiga platform iaitu *Wattpad*, *Movellas* dan *Tumblr* di dalam beliau. Persamaan ketiga-tiga platform ini adalah percuma dan mudah diakses. Setiap platform mempunyai kebaikan dan keburukan. Untuk *Wattpad*, Scott mengatakan kebaikan aplikasi ini lebih kepada penulis yang ingin menulis cerita bersiri atau *fanfic*. Buat penulis genre ini dan mempunyai fokus yang panjang *Wattpad* adalah komuniti terbaik. Malahan penulisan di *Wattpad* boleh mendapat ribuan pembaca jika cerita itu menarik. Walaupun *Wattpad* masih dikira tidak setanding dengan platform lain, tetapi uniknya di aplikasi ini terdapat banyak karya-karya wujud di bawah kata kunci seperti *Humour*, *action*, *urban* dan sebagainya. Disebabkan itu, *Wattpad* ialah satu platform yang menarik kerana ianya memudahkan peminat genre-genre yang dinyatakan. Tetapi seperti yang dikatakan Scott, platform ini juga ada kekurangan sekiranya penulis itu ingin mempunyai platform peribadi tersendiri kerana *Wattpad* adalah sebuah aplikasi yang bersifat komuniti.

Menurut *Internasional Literature Showcase* (2018), di era digital, literatur tidak lagi terhad di pen dan kertas sebaliknya literatur boleh dijumpai di alam maya tidak kira masa dan tempat. Artikel di laman web ini mengandungi temu bual bersama tiga orang penulis yang mencipta nama menggunakan aplikasi ini. Melalui temu bual ini, didapati *Wattpad* mempunyai satu hubungan yang kuat dengan penerbit-penerbit buku terutamanya di Amerika Utara dan serata dunia. Penerbit-penerbit ini telah menggunakan *Wattpad* untuk mencari bakat baharu. Salah satu kebaikan *Wattpad*, cerita yang disiarkan oleh penulis di *Wattpad* merupakan hak milik penulis sehinggalah penulis ditawarkan untuk karya itu.

Mazhar Bal (2018), telah membuat kajian tentang penglibatan pelajar sekolah menengah rendah (*middle school*) di Turki dalam penulisan. Kajian ini dijalankan selepas meneliti beberapa persoalan seperti, budaya membaca pelajar sekolah menengah rendah adalah kurang begitu juga dengan penulisan. Kajian ini mendapati bahawa pelajar lebih menyukai berkarya dan membaca di aplikasi *Wattpad*. Mereka lebih bebas meluahkan pendapat dan lebih kreatif berimajinasi. Pelajar juga memberi lebih perhatian kepada penulisan kerana terdapat sistem pengikut (*follower*) dan juga sistem rating di *Wattpad*. Sistem-sistem ini telah memberi semangat kepada para pelajar untuk terus menulis dan meluahkan idea.

2.3.2 Wattpad ke Dunia Penerbitan

Ezaleila Mustafa dan Hamed Mohd Adnan (2017) telah mengkaji kaitan antara penerbitan dan platform atas talian ini. Seperti dinyatakan di dalam kajian ini, penerbit kebiasaannya membuat keputusan di atas pengalaman mereka di dalam industri ini. Namun terdapat banyak risiko yang wujud terutamanya dengan pasaran yang tidak menentu. *Wattpad* bukan sahaja menaikkan kadar pembaca malahan juga membantu dalam hal penerbitan iaitu pemilihan karya yang bersesuaian dengan penerbitan-penerbitan yang ada di dalam Malaysia.

Menurut Miller (2016), *Wattpad* telah berkembang seiring dengan perubahan teknologi dari tahun 2006 hinggalah kini. Namun seiring dengan perkembangan teknologi dan platform seperti *Wattpad*, bidang penerbitan mula terasa dengan perubahan masa yang memberi kesan kepada bidang ini. Tambahan lagi generasi baru lebih suka dengan penggunaan atas talian daripada memegang 'buku'. Namun penggunaan *Wattpad* telah membuka banyak mata dalam perihal penulisan. Pertukaran idea berlaku dimana-mana sahaja. Penulisan telah menjadi sesuatu yang lebih mudah dan lebih banyak orang memilih untuk menulis.

Menurut *Wattpad* (2016), *Wattpad* juga berfungsi sebagai tangga atau jambatan kepada penerbitan. Para penerbit turut menggunakan platform ini untuk memantau kehadiran bakat-bakat baru yang hadir dalam *Wattpad*. Menurut Miller, walaupun aplikasi ini mempunyai 40 juta pembaca tetapi *Wattpad* bukanlah satu ancaman terhadap penerbitan tradisional. Malah *Wattpad* telah menjadi rakan kepada beberapa penerbitan seperti *Simon & Schuster*, *HarperCollins* dan *Sourcebooks*. Kebanyakan penulis di aplikasi ini bermula dengan *Wattpad* sendiri. Davies (2017), artikel beliau telah membincangkan kesan *Wattpad* kepada penerbitan. *Wattpad* bukan sahaja membuka satu komuniti kepada pembaca dan penulis tetapi juga kepada penerbitan di serata dunia.

Dina Purnama Sari pada tahun 2017 telah membincangkan *Pengembangan Industri Kreatif Melalui Wattpad* di dalam kajiannya. Dian mendapati penulis telah mengambil kesempatan sepenuhnya apabila menggunakan aplikasi ini. Beliau telah menjalankan temu bual bersama dua orang penulis yang menggunakan *Wattpad* untuk menulis secara komersial.

Bold (2016) pula telah mengkaji tentang bagaimana penerbitan bukan penjual buku fizikal yang tunggal sebaliknya di masa kini terdapat banyak alternatif lain seperti, pembelian secara terus menerusi penulis dan juga penulis menerbitkan sendiri karya mereka dan menjualnya. Namun wujudnya perselisihan faham antara syarikat penerbitan dan juga penulis yang menerbitkan karya sendiri. Kajian ini telah mendapati bahawa penulis juga mempunyai nilai komersial, semakin ramai pengikut atau peminat penulis itu semakin berjaya penulis tersebut dalam menjual karya sendiri tanpa melalui penerbitan besar.

Dengan menggunakan aplikasi *Wattpad* penulis-penulis ini telah berjaya mengumpul peminat mereka atau mereka telah mempunyai *fan base* masing-masing. Malah mampu menjual karya mereka dalam bentuk fizikal tanpa masalah walaupun tidak menerbitkan karya menerusi syarikat penerbitan yang dikenali. Jelas penerbitan tidak lagi terhad kepada penerbitan dalam penjualan yang berjaya sebaliknya penulis biasa yang mempunyai peminat juga boleh menjual karya mereka sendiri tanpa perlu menerusi penerbitan lain.

Sebuah kajian daripada Siti Ezaleila Mustafa dan Fadli Abdullah (2018), telah merungkai pendapat syarikat-syarikat penerbitan terhadap kewujudan teknologi masa kini. Mereka telah mengkaji apakah yang dialami syarikat penerbitan akibat perubahan teknologi terutama dalam dunia penulisan dengan meneliti respon dari syarikat penerbitan sendiri. Hasil kajian mereka mendapati, syarikat penerbitan juga menggunakan kemajuan teknologi yang ada. Malah ada di antara teknologi tersebut menjadi tunjang kepada perniagaan mereka.

Hasil kajian mereka merangkumi beberapa buah syarikat penerbitan, kecil dan besar. Mereka mendapati syarikat-syarikat ini telah menggunakan teknologi untuk menganalisis dan merancang penjualan buku yang bakal dikeluarkan. Selain itu, dengan menggunakan teknologi mereka telah mengembangkan isi mengikut perubahan semasa. Yang ketiga, menerbitkan *e-book* disamping menjual buku fizikal. Yang keempat, menggunakan pencetakan digital untuk pencetakan atas permintaan dan yang kelima, menggunakan internet dan media sosial sebagai alatan untuk mempromosikan produk. Yang keenam yaitu yang terakhir, mengedar secara serentak menggunakan pelbagai saluran atas talian.

Secara keseluruhan kajian mereka telah mendapati syarikat-syarikat penerbitan ini telah mengadaptasi kemajuan teknologi ke dalam penerbitan dan menggunakan kelebihan ini secara maksima. Jelas, terdapat kesan positif dengan wujudnya teknologi ini kerana syarikat-syarikat penerbitan ini turut terkesan dari sudut yang positif.

2.4 Peranan, Pengaruh dan Potensi Medium Atas Talian Terhadap Budaya Membaca di Luar Negara

2.4.1 Transformasi Buku ke Digital

Perubahan teknologi telah merubah banyak perkara dalam kehidupan seharian. Perkara ini termasuklah cara atau bagaimana pembacaan berlaku di masa kini. Tanner (2014), artikel beliau telah membincangkan cara atau platform pembacaan dan masa hadapan buku. Tanner telah mengupas satu persatu daripada perbandingan jualan, perpustakaan dan pinjaman buku, isu yang wujud *LCds*, *E-Paper*, dan penerbitan serta *digital vs. print* dan pelbagai lagi. Walaupun artikel ini lebih kepada negatif penggunaan digital berbanding buku, di mana penggunaan digital akan merosakkan mata dan tidak memberansangkan otak. Namun jelas di sini, digital telah mengambil tempat di hati pengguna. Di Amerika kebanyakan penerbitan sudah mengenal pasti kelebihan *e-books* ini malahan hampir ke semuanya mula mengeluarkan *e-books*.


Margolin, Driscoll, Tolan, Kegler (2013) telah membincangkan impak teknologi terhadap pemahaman pembacaan yang merupakan kajian terusan dari kajian lepas. Kertas kajian lepas telah pun mengkaji ingatan terhadap teks serta menunjukkan hasil terhadap kesan teknologi terhadap ingatan pembacaan dan pemahaman terhadap kesusasteraan. Dalam kajian mereka, ketiga-tiga cara penyampaian yang dikaji tidak ada kesan terhadap pemahaman naratif atau teks yang dibaca. Tambahan lagi pembaca tidak terkesan apabila membaca menggunakan platform yang berbeza. Justeru, hasil kajian mereka mengatakan pembacaan boleh dilakukan tidak kira apa jenis medium penyampaian yang digunakan.

Kajian Mangen dan Weel (2016) telah menguatkan lagi sub topik buku ke digital ini. Kajian mereka telah mengupas tentang perluasan cara pembacaan iaitu peningkatan dalam penggunaan digital untuk pembacaan di masa kini. Selain itu, kajian ini bukan sahaja menyentuh mengenai medium tetapi juga menyentuh tentang ekonomi, psikologi, budaya dan sebagainya. Kajian ini adalah satu kajian terusan untuk kajian di masa akan datang.

Ngugi dan Mberia (2014) telah membincangkan pengaruh internet terhadap budaya membaca. Hasil kajian mereka telah disimpulkan kepada pembangunan teknologi mempunyai pengaruh yang kuat terhadap budaya membaca dikalangan guru-guru Sekolah Menengah di Kigumo Sub-County. *Facebook* dan *Whatsapp* adalah medium yang sering dipelopori oleh guru-guru ini. Perkara ini menunjukkan guru-guru telah kurang membaca dengan serius sebaliknya mereka lebih senang membaca di medium-medium santai ini. Kajian ini telah mencadangkan bahawa guru-guru dan masyarakat perlu menitikberatkan membaca adalah satu proses pembelajaran sepanjang hayat, justeru mereka harus menjadikan ia sebagai satu budaya. Kerana membaca bukan sahaja meningkatkan pengetahuan malah berfungsi sebagai alat untuk memajukan negara.

3.0 KERANGKA KONSEP

Kerangka konsep ini sangat penting untuk memutuskan soalan-soalan temu ramah yang bakal dilakukan. Ianya bertindak sebagai pembimbing untuk memahami apa yang diperlukan di dalam kajian dan apa yang perlu ada di dalam soalan temu ramah yang akan dijalankan. Untuk kajian ilmiah yang akan dijalankan ini, sebuah kerangka konsep baharu telah disediakan. Kerangka konsep ini telah dibina atas maklumat yang didapati daripada tinjauan kajian lepas iaitu telah dinyatakan sebelum ini. Kajian ini telah membahagikan tinjauan kajian lepas kepada beberapa tajuk untuk memudahkan penyediaan kerangka konsep ini.



Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian ini

Kerangka konsep kajian ini menunjukkan proses kajian yang akan membantu membentuk temu ramah yang akan dijalankan. Bermula dengan *Wattpad*, kajian ini telah mendalami sejarah *Wattpad*, fungsi *Wattpad* malahan telah penggunaan *Wattpad* untuk lebih memahami apa itu *Wattpad*.

Akhirnya diujung kajian ini, segala data yang diperoleh dari temu ramah tersebut akan disimpulkan dan dikaitkan kepada budaya membaca dikalangan rakyat Malaysia. Seperti yang dikatakan di tinjauan literatur, *Wattpad* adalah sesuatu yang besar dan berkemampuan untuk menimbulkan budaya membaca serta meneruskan penulisan di era digital dan teknologi ini.

4.0 KAEDAH KAJIAN

4.1 Ciri-Ciri Informan dan Instrumen Kajian

Berdasarkan ciri-ciri demografi yang terpilih, informan yang terpilih adalah pelajar UiTM Kampus Puncak Perdana yang rata-rata memahami selok belok mengenai industri seni kerana terdapat fakulti Filem, Teater dan Animasi di dalam Kampus Puncak Perdana ini.

Untuk kajian ini, sebanyak sepuluh informan telah memberi data untuk membantu menyiapkan kajian ini. Daripada sepuluh data ini dapat dilihat perbezaan pendapat dan juga majoriti yang merupakan jawapan kepada kajian ini.

Instrumen kajian merupakan satu alat untuk menjalankan sesuatu penyelidikan. Instrumen kajian digunakan untuk pengumpulan data untuk memenuhi objektif kajian. Kaedah yang akan digunakan oleh kajian ini ialah kaedah temubual. Di mana ianya adalah salah satu instrumen kaedah kajian kualitatif. Sebanyak 10 orang informan yang akan dipilih secara bertujuan untuk di temubual dalam kajian ini.

Kajian ini memutuskan untuk menggunakan 10 orang sampel atau informan untuk meneliti jawapan mereka dengan sepenuh perhatian. Data daripada temubual telah di analisis secara verbatim dan diperincikan menggunakan perisian Atlas.ti. Pengumpulan data dihentikan pada informan ke 10 kerana

telah mencapai tahap ketepuan (*data saturation*) dan kesemua informan telah mengulang perkara yang sama untuk ke tiga-tiga objektif.

Justeru dengan menjalankan temubual secara berdepan dengan informan (*Personal interview face to face*), kajian ini telah dapat menyimpulkan pendapat informan terhadap *Wattpad* mengikut objektif dan persoalan kajian ini.

4.2 Data Peribadi Informan

Seperti yang dinyatakan di dalam instrumen kajian, sebanyak 10 orang informan telah ditemubual. Berikut adalah jadual maklumat setiap informan.

Jadual 1. Senarai Informan

Informan	Nama	Butiran
1	Nor Afiqah binti Hamidon	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>
2	Noordella binti Adnan	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>
3	Nur Farhana binti Rusli	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>
4	Nor Syafizza binti Ahmad Tarmizi	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>
5	Siti Nor Fazira binti Jono	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>
6	Nur Syahira	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>
7	Mohamad Afiq Syazwan	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>
8	Muhammad Amirul bin Johari	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>
9	Wan Sofa Syifa binti Wan Ahmad Asyraf	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>
10	Nor Wardah binti Ahmad Nizam	Pelajar UiTM Puncak Perdana dan pengguna <i>Wattpad</i>

5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 Dapatan Kajian 1 : Peranan *Wattpad* Terhadap Budaya Membaca Dikalangan Rakyat Malaysia

Informan 1 telah mengatakan peranan *Wattpad* adalah sebuah aplikasi pembacaan percuma yang mengumpul karya dari serata dunia. *Wattpad* juga berperanan memupuk minat menulis apabila informan merasa ingin menulis selepas mula membaca karya-karya kreatif di aplikasi ini.

Begitu juga dengan informan 2, yang mengakui aplikasi ini mempunyai peranan dalam membenarkan pembaca membaca dengan percuma. Terutamanya dengan masa kini yang menggunakan telefon pintar dan internet tidak kira di mana dan bila.

Informan 3 pula mengatakan *Wattpad* berperanan membenarkan pembaca membaca karya-karya dari penulis baharu dan juga penulis lama. Selain itu genre yang pelbagai juga merupakan peranan *Wattpad*, iaitu mengembangkan genre. *Wattpad* juga berperanan menjimatkan masa pengguna kerana boleh diguna di mana-mana sahaja.

Informan 4 juga mempunyai pendapat yang sama dengan informan 3 iaitu *Wattpad* dapat menjimatkan masa pengguna di masa yang sama menggalakkan budaya membaca. Informan 4 juga mengatakan *Wattpad* berperanan mewujudkan rasa minat menulis dan membenarkan penulis baharu mencuba setiap genre hingga menjumpai genre yang sesuai dengan mereka.


Manakala informan 5 berpendapat aplikasi ini selari dengan teknologi sekarang dan membenarkan pembacaan secara meluas di dalamnya. Peranan aplikasi ini adalah pembacaan percuma dan platform pembaca dan penulis seluruh dunia.

Informan 6 pula mengatakan beliau mula membaca kerana penggunaan media sosial yang membawa beliau kepada *Wattpad*. *Wattpad* berperanan untuk membolehkan pengguna membaca. Informan ini yang paling nyata dalam mengatakan peranan *Wattpad* semasa temubual,

Seperti informan 6, informan 7 juga mengguna aplikasi ini menerusi media sosial. Peranan *Wattpad* pada informan ialah aplikasi ini memudahkan pembacaan. Malah memupuk minat untuk menulis. Informan 8 beranggapan *Wattpad* berperanan untuk berkarya, berlatih menulis dan mengembangkan bakat. Menurut informan aplikasi ini amat mudah digunakan tidak kira waktu atau tempat. Informan 9 pula berpendapat *Wattpad* ini memudahkan serta mengumpul karya dari serata dunia. Justeru mempunyai pelbagai genre yang membuat beliau terus menggunakan. Keunikkan *Wattpad* ditambah lagi dengan kemudahannya yang menarik seperti user friendly dan sebagainya.

Akhirnya informan 10, informan terakhir kajian ini, seperti informan 9, informan 10 berpendapat *Wattpad* adalah sebuah platform yang mengumpul karya dan sebuah komuniti yang menghubungkan pembaca dan penulis. Tambahan, keunikkan *Wattpad* iaitu boleh diselaraskan ikut keselesaan pengguna.

Untuk persoalan kajian pertama, kertas kajian ini boleh melihat daripada peranan telah muncul sub-sub kepadanya iaitu mengembangkan pilihan genre, platform pembacaan percuma, tempat untuk mengumpul karya, platform pembaca dan penulis serta tempat untuk berlatih menulis.



Rajah 2. Peranan *Wattpad* Kepada Budaya Membaca Novel Dikalangan Rakyat Malaysia.

5.2 Dapatan Kajian 2: Pengaruh Terhadap Budaya Membaca Dikalangan Rakyat Malaysia.

Persoalan kajian yang kedua iaitu pengaruh *Wattpad* terhadap budaya membaca telah dijawab dalam pelbagai variasi daripada informan tetapi mempunyai intipati yang sama. Informan 1 berpendapat *Wattpad* berpengaruh untuk meneruskan pembacaan tanpa perlu pergi ke kedai atau ke perpustakaan. Selain daripada percuma, aplikasi ini juga mempunyai pengaruh untuk memupuk minat menulis kerana beliau sendiri berminat untuk menulis selepas menggunakan *Wattpad*.

Informan 2 pula beranggapan aplikasi ini mempunyai pengaruh kerana ianya percuma dan senang digunakan. Informan juga mengatakan aplikasi ini juga merupakan aplikasi yang berpengaruh ke atas dunia penulisan kerana mampu mewujudkan rasa ingin menulis di dalam penggunaanya.

Informan 3 juga beranggapan aplikasi ini mempunyai pengaruh melahirkan penulis kerana terdapat pelbagai genre yang unik justeru memupuk minat membaca. Selain itu ada sesetengah penulis yang hanya memasukkan karya mereka separuh sahaja kerana ada penerbitan yang tertarik dengan karya mereka.

Manakala informan 4 juga memberikan pendapat yang sama dengan informan-informan sebelumnya iaitu aplikasi ini percuma dan mudah serta boleh melahirkan penulis kerana mudah untuk menghantar karya. Informan 5 pula mengatakan pengaruh *Wattpad* adalah terletak pada kepelbagaian karya iaitu genre serta penulis yang ramai. Informan turut menyebut tentang mudahnya penggunaan aplikasi percuma ini.


Informan 6 juga mengatakan tentang bagaimana aplikasi ini percuma dan mampu menarik minat beliau untuk terus menggunakan serta mewujudkan minat untuk menulis dalam diri beliau. Informan 7 mengatakan aplikasi ini mudah serta membuat beliau tertarik untuk menggunakan kerana puisi yang terdapat di dalamnya. Aplikasi ini juga membuatkan beliau ingin mencuba menerbitkan karya puisi beliau sendiri.

Begitu juga dengan informan 8 yang menyatakan aplikasi ini mampu menarik minat untuk menulis tetapi beliau sendiri tidak gemar untuk menulis di sini kerana lebih gemar dengan buku fizikal yang jelas nampak hasilnya. Daripada informan 9, pengaruh *Wattpad* terlepas pada banyaknya penulis berbakat yang boleh diambil penerbitan di Malaysia. Selain itu tentang bagaimana mudahnya penggunaan aplikasi percuma ini. Beliau juga menyatakan bagaimana aplikasi ini menarik minat beliau untuk menulis.

Informan 10 juga berpendapat seperti informan 9 iaitu penerbitan harus menggunakan aplikasi ini untuk mencari bakat baru yang ada. Beliau juga menyatakan betapa senangnya penggunaan *Wattpad* yang boleh

diselaraskan kepada keselesaan beliau selain itu aplikasi ini juga berjaya menarik minat beliau untuk berkarya.

Untuk persoalan kajian kedua ini, jelas informan-informan mempunyai pendapat yang hampir sama iaitu *Wattpad* mempunyai pengaruh dalam hal kemudahan yang percuma, tempat yang mampu memupuk minat menulis serta aplikasi yang bagus untuk pencarian bakat baru.



Rajah 3. Pengaruh *Wattpad* Kepada Budaya Membaca Di kalangan Rakyat Malaysia.

5.3 Dapatan Kajian 3: Potensi *Wattpad* Terhadap Minat Membaca Di Kalangan Rakyat Malaysia.

Persoalan kajian yang terakhir iaitu potensi *Wattpad* terhadap memupuk minat membaca dikalangan rakyat Malaysia juga memperoleh jawapan yang pelbagai. Informan 1 mengatakan aplikasi ini mempunyai potensi yang besar untuk diperluaskan lagi penggunaannya. Terutama dalam industri penulisan. Dengan adanya aplikasi ini, genre-genre semakin berkembang. Lebih-lebih lagi aplikasi ini mampu diterajui untuk dijadikan bahan bacaan mudah di Malaysia.

Informan 2 pula mengatakan aplikasi ini mempunyai potensi menjadi aplikasi bahan bacaan mudah kerana tiada had kepada pembaca untuk terus membaca. Selain itu aplikasi ini mampu mengembangkan lagi bakat penulis dengan melakukan latihan. Informan 3 berpendapat aplikasi ini mampu memupuk minat membaca kerana ianya aplikasi percuma tetapi bergantung juga kepada penggunanya. Selain itu aplikasi ini mampu melahirkan penulis baharu kerana ianya juga satu tempat untuk memperluaskan bakat mereka.

Manakala Informan 4 pula mengatakan aplikasi ini mampu meningkatkan budaya membaca terutamanya dikalangan pelajar. Namun seperti yang dinyatakan informan sebelum ini ianya bergantung kepada individu serta mampu memupuk bakat menulis mereka. Informan 5 juga berpendapat aplikasi ini mampu meningkatkan budaya membaca dikalangan pelajar serta memupuk minat menulis dan mengembangkan bakat yang ada pada pengguna.

Informan 6 mengatakan ianya bergantung kepada individu sendiri untuk membaca kerana minat membaca tidak boleh dipaksa sebaliknya di pupuk dari kecil. Selain itu aplikasi ini mampu menjadi aplikasi bacaan mudah kerana pendaftaran yang mudah dan percuma. Ia juga boleh membantu memupuk minat untuk menulis.

Manakala informan 7 pula mengatakan aplikasi ini mampu menjadi satu tempat untuk penerbitan mencari bakat baharu. Aplikasi ini juga amat mudah digunakan percuma juga menjadi faktor kepada potensi menjadi aplikasi bahan bacaan mudah.

Selain itu informan 8 mengatakan aplikasi ini mampu menjadi bahan bacaan mudah dan mampu mengembangkan bakat penulis-penulis dengan penambahan genre yang ada di dalamnya. Selain itu aplikasi ini juga dikatakan amat sesuai untuk pencarian bakat baharu namun untuk memupuk minat membaca itu perlulah bergantung kepada pengguna sendiri.

Informan 9 pula mengatakan aplikasi ini mampu memupuk minat membaca namun perlu diperkenalkan lagi di Malaysia. Selain itu aplikasi ini mampu mengembangkan genre justeru mengembangkan bakat yang ada. Penerbitan di Malaysia seharusnya menggunakan aplikasi ini kerana ia mempunyai potensi dalam penghasilan penulis yang bagus.


Informan 10 iaitu informan terakhir mengatakan hal yang sama dengan informan 9 iaitu mampu memupuk minat membaca namun memerlukan promosi yang lebih lagi untuk memperkenalkan aplikasi ini serta mampu perbanyakkan karya dan mengembangkan bakat. Justeru penerbitan boleh menggunakan aplikasi ini untuk mencari penulis yang berbakat besar.

Secara keseluruhannya persoalan kajian ketiga ini telah dijawab oleh informan-informan yang dinyatakan. *Wattpad* mempunyai potensi dalam mengembangkan bakat, menjadi aplikasi bahan bacaan mudah, membantu penerbitan mencari penulis baharu dan mengenai memupuk minat membaca ianya boleh tetapi bergantung kepada pengguna sendiri bagaimana mahu memupuk minat membaca dikalangan orang sekeliling.



Rajah 4. Potensi *Wattpad* Kepada Budaya Membaca Dikalangan Rakyat Malaysia.

Apabila diteliti secara lebih mendalam, hubungan di antara peranan, pengaruh dan potensi *Wattpad* kepada budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia adalah signifikansi. Malahan kajian ini mendapati, tiga perkara ini mempunyai satu hubungan di mana, ianya saling berkaitan. Daripada peranan wujudnya pengaruh dan daripada pengaruh wujudnya potensi ke atas budaya membaca serta industri kreatif di Malaysia ini. Elemen-elemen ini saling berkait lalu menghidupkan budaya membaca dengan penghasilan genre yang pelbagai serta penulis baharu yang sentiasa menghasilkan karya.



Rajah 5. Hubungan di antara Peranan, Pengaruh dan Potensi *Wattpad*.

6.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Aplikasi *Wattpad* ini adalah sebuah aplikasi yang mampu mewujudkan budaya membaca dengan menerapkan peranan, pengaruh serta potensi yang ada di dalamnya. Informan kajian ini jelas melihat apa yang mampu diterapkan daripada aplikasi ini kepada dunia industri kreatif di Malaysia.

Selain itu kajian ini mendapati hipotesis kajian ini telah dicapai iaitu peranan, pengaruh dan potensi *Wattpad* mempunyai hubungan yang signifikan terhadap budaya membaca dikalangan rakyat Malaysia. Kerana tanpa ada peranan, pengaruh dan potensi aplikasi ini, minat membaca menggunakan aplikasi ini tidak akan wujud justeru kemudahan, penggunaan yang percuma malahan kepelbagaian genre dan lain-lain amat penting dalam meningkatkan kadar pembacaan justeru memupuk minat membaca dikalangan rakyat Malaysia.

Kajian ini juga telah menyedari hubungan di antara peranan, pengaruh dan potensi aplikasi ini adalah saling berkait. Tanpa ada peranan-peranan yang dinyatakan, pengaruh tidak akan wujud dan begitulah juga potensi aplikasi ini. Setiap peranan mampu memberi pengaruh lalu mewujudkan potensi yang terdapat di aplikasi ini kepada budaya membaca dikalangan rakyat Malaysia.

Kesimpulannya kajian ilmiah ini telah berjaya mengenalpasti hubungan antara peranan, pengaruh dan potensi *Wattpad* terhadap budaya membaca novel dikalangan rakyat Malaysia. Kertas kajian ini juga telah menganalisis data yang membawa kepada penemuan peranan aplikasi ini iaitu mengembangkan pilihan genre, platform pembacaan percuma, tempat untuk mengumpul karya, platform pembaca dan penulis serta tempat untuk berlatih menulis.

Untuk pengaruh aplikasi ini iaitu kemudahan yang percuma, tempat yang mampu memupuk minat menulis serta aplikasi yang bagus untuk pencarian bakat baru. Yang terakhir potensi aplikasi ini iaitu mengembangkan bakat, menjadi aplikasi bahan bacaan mudah, membantu penerbitan mencari penulis baharu dan mengenai memupuk minat membaca ianya boleh tetapi bergantung kepada pengguna.

Jelas aplikasi ini mampu diterajui untuk digunakan sepenuhnya oleh pembaca serta pengguna dan mampu mengembangkan lagi industri seni di Malaysia ini. Diharapkan kajian ini mampu membuka mata

masyarakat untuk tidak berhenti membaca dan meneroka aplikasi *Wattpad* dan seangkatan dengannya dan memupuk budaya membaca yang setaraf dengan dunia luar.

Rujukan

- Atwood, M. (06 Julai 2012). Margaret Atwood: Why Wattpad works. *The Guardian*. Dipetik pada 24 April 2018, daripada <https://www.theguardian.com/books/2012/jul/06/margaret-atwood-wattpad-online-writing>.
- Bernama. (2018). *Buku fizikal masih jadi pilihan berbanding e-book*. Dipetik pada 12 Ogos 2018, daripada <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1631282>.
- Bold, M. R. (2018). The return of the social author: Negotiating authority and influence on Wattpad. *Convergence*, 24(2), 117–136. <https://doi.org/10.1177/1354856516654459>.
- Chen, Y., Davies, J., Willens, M., & Patel, S. (20 Mei 2016). Story-sharing site Wattpad is attracting young users and brands. *Digiday*. Dipetik pada 12 April 2018, daripada <https://digiday.com/media/brands-connecting-literary-young-people-longform-platform-wattpad/>.
- Chapman, G. (01 Januari 1970). Writers and readers go mobile and social at Wattpad. *GMA News Online*. Dipetik pada 12 April 2018, daripada <http://www.gmanetwork.com/news/lifestyle/content/381220/writers-and-readers-go-mobile-and-social-at-wattpad/story/>.
- Cohn, J. (27 Ogos 2017). What is Wattpad? *The Odyssey Online*. Dipetik pada 27 Jun 2018, daripada <https://www.theodysseyonline.com/what-is-wattpad>.
- Contreras, D. J., Gonzaga, H. N., Trovela, B. C., & Kagaoan, A. G. (2015). The “wattyfever”: Constructs of Wattpad readers on Wattpad’s role in their lives. *LPU Laguna journal of Arts and Sciences Communication Research*, 2(1). Dipetik pada 28 Mac 2018, daripada <http://lpulaguna.edu.ph/wp-content/uploads/2016/08/13.THE-“WATTYFEVER”-CONSTRUCTS-OF-WATTPAD-READERS.pdf>.
- Davies, R. (2017). Collaborative production and the transformation of publishing: The case of Wattpad. In: Graham, J. and Gandini, A. (eds.). *Collaborative production in the creative industries*. Pp. 51–67. London: University of Westminster Press. DOI: <https://doi.org/10.16997/book4.d>. License: CC-BY-NCND 4.0.
- Dian Purnama Sari. (2017). *Pengembangan industri kreatif melalui Wattpad*. Kertas kajian dibentangkan di Simposium Nasional Ilmu Pengetahuan dan Teknologi (SIMNASIPTEK) 2017, ABA BSI, Jakarta, Indonesia.
- Ezaleila Mustafa & Hamed Mohd Adnan. (2017). Crowdsourcing: A platform for crowd engagement in the publishing industry. *Publishing Research Quarterly*, 33(3), 283-296. doi:10.1007/s12109-017-9525-4
- Friedman, J. (02 Januari 2016). Please don't blog your book: 4 reasons why. Dipetik pada 10 Jun 2018, daripada <https://www.janefriedman.com/please-dont-blog-your-book/>

- International Literature Showcase. (n.d.). *Unpicking Wattpad*. Dipetik pada 12 April 2018, daripada <http://www.litshowcase.org/content/unpicking-wattpad/>.
- Justin Ho. (2016). *Wattpad: The ideal platform for writers*. Dipetik pada 20 April 2018, daripada http://www.manoanow.org/kaleo/features/wattpad-the-ideal-platform-for-writers/article_66038eb4-b592-11e6-aae4-7f396d5984b8.html
- Libguise. (n.d.). *Organizing your social sciences research paper: Qualitative methods*. Dipetik pada 25 April 2018, daripada <http://libguides.usc.edu/writingguide/qualitative>
- Margolin, S. J., Driscoll, C., Toland, M. J., & Kegler, J. L. (2013). E-readers, computer screens, or paper: Does reading comprehension change across media platforms? *Applied Cognitive Psychology*, 27(4), 512-519. doi:10.1002/acp.2930
- Mazhar Bal. (2018). Reading and writing experiences of middle school students in the digital age: Wattpad sample. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 6(2), 89.
- Mangen, A., & Weel, A. V. (2016). The evolution of reading in the age of digitisation: An integrative framework for reading research. *Literacy*, 50(3), 116-124. doi:10.1111/lit.12086
- Miller, M. (08 Januari 2016). *What Wattpad brings to the publishing table*. Dipetik pada 28 Mac 2018, dari <https://pdfs.semanticscholar.org/91cd/0693533419a90bfafae521ca5a48aebb8d3.pdf>
- Ngugi, M. N., & Mberia, D. H. (2014). The influence of the internet surfing on the reading culture of secondary school teachers: A case study of newspaper readership in kigumo sub county, Kenya. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 4(11). doi:10.6007/ijarbss/v4-i11/1275
- Pawley, J. L. (2016). *The rise of social ereading: Interactive ebook platforms and the development of online reading communities* (Unpublished master's thesis). Massey University, Manawatū New Zealand.
- Rebora, S., & Pianzola, F. (2018). A new research programme for reading research: Analysing comments in the margins on Wattpad. *DigitCult | Scientific Journal on Digital Cultures*, 3(2), 19-36. doi:10.4399/97888255181532.
- Rochester, S. (18 Oktober 2012). *Wattpad: Building the world's biggest reader and writer community*. Dipetik pada 02 April 2018, daripada <http://theliteraryplatform.com/magazine/2012/10/wattpad-building-the-worlds-biggest-reader-and-writer-community/>.
- Snap Survey. (n.d.). Qualitative vs quantitative research. Dipetik pada 26 April 2018, dari <https://www.snapsurveys.com/qualitative-quantitative-research/>.
- Survey Monkey. (n.d.). Understand qualitative vs quantitative research. Dipetik pada 25 April 2018, daripada <https://www.surveymonkey.com/mp/quantitative-vs-qualitative-research/>.
- Scott, B. (08 April 2018). Choosing your writing platform: Wattpad vs Movellas vs Tumblr. Dipetik pada 12 April 2018, daripada https://prolifiko.com/choosing_your_writing_platform_wattpad_vs_movella_vs_tumblr/.

- Sobieck, B. (27 September 2017). 5 things writers should know about Wattpad & the future of publishing. *Writer Digest*. Dipetik pada 02 April 2018, daripada <http://www.writersdigest.com/online-editor/5-things-writers-know-wattpad-future-publishing>.
- Syahremie Teja. (10 Ogos 2016). Kaedah penyelidikan (persampelan). Dipetik pada 10 Jun 2018, daripada <https://www.slideshare.net/tejasyahremie/kaedah-penyelidikan-persampelan>.
- Siti Ezaleila Mustafa & Fadli Abdullah. (2018). The responses of selected Malaysian trade publishing companies towards technological development. *Jurnal Pengajian Media Malaysia / Malaysian Journal of Media Studies*, 20(1), 59-72. Dipetik pada 21 November 2018, daripada <http://mjs.um.edu.my/index.php/JPMM/article/view/12021/8408>.
- Tanner, M. J. (2014). Digital vs. print: Reading comprehension and the future of the book. *SLIS Student Research Journal*, 4(2). Dipetik daripada <http://scholarworks.sjsu.edu/slissrj/vol4/iss2/6>.
- Thomas, K. (2015). *A brief history of Wattpad*. Dipetik pada 11 Jun 2018, daripada <https://techvibes.com/2015/10/01/a-brief-history-of-wattpad-2015-10-01>.
- Trochim, W. M. (2006). The qualitative debate. Dipetik pada 26 April 2018, daripada <http://www.socialresearchmethods.net/kb/qualdeb.php>.
- Wattpad. (2016). Writers can earn cash with in-story ads on Wattpad [Blog post]. Dipetik pada 02 April 2018, daripada <https://company.wattpad.com/blog/2016/08/17/writers-can-earn-cash-with-in-story-ads-on-wattpad>
- Wattpad. (2018). Anugerah watty 2018. Dipetik pada 11 Jun 2018, daripada <https://www.wattpad.com/576537047-anugerah-watty-2018-anugerah-per-kategori>